



**IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA.**

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88880840
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : korporat@bomba.gov.my

“CEPAT DAN MESRA”

Ruj Tuan :
Ruj Kami : JBPM/IP/KOR:100-2/1 (8)
Tarikh : 7 Februari 2013

SIARAN MEDIA

UTAMAKAN KESELAMATAN KEBAKARAN SEMPENA MENYAMBUT TAHUN BARU CINA 2013

PUTRAJAYA 7 Februari 2013 - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada warganya dan juga kepada semua rakyat Malaysia. Sempena cuti musim perayaan ini, Jabatan menyeru agar semua penghuni supaya meninggalkan kediaman masing-masing dalam keadaan selamat.

Bersempena dengan musim perayaan ini, ‘Ops Tahun Baru Cina 2013’ telah dilancarkan bermula 4 Februari sehingga 18 Februari 2013 sebagai satu langkah yang proaktif dalam usaha menghadapi dan menangani sebarang tragedi yang berlaku. Oleh itu, satu tindakan pengawalan dan pemantauan akan dilaksanakan bagi memberikan khidmat operasi menyelamat dengan cepat, pantas dan berkesan.



Sealiran itu, langkah keselamatan seperti pemeriksaan keselamatan kebakaran, pencegahan dan penghapusan bahaya kebakaran terutama di semua kompleks perniagaan akan dilaksanakan bagi memastikan laluan keselamatan kebakaran tidak di halang oleh barangan.

Pemilik premis juga diingatkan, supaya memastikan laluan ke tangga keselamatan dan pintu rintangan api hendaklah bebas daripada semua halangan yang boleh menjejaskan laluan keselamatan tersebut. Langkah-langkah keselamatan ini perlu dipatuhi supaya tidak menjejaskan kemudahan pelepasan diri di kompleks perniagaan masing-masing.

Operasi pemeriksaan bangunan ini, akan dijalankan bermula daripada tarikh 'Ops Tahun Baru Cina 2013' dilancarkan bagi memastikan semua kompleks perniagaan mematuhi arahan keselamatan kebakaran.

Serentak dengan itu, beberapa sesi latihan berkaitan insiden-insiden yang berkemungkinan berlaku akan dijalankan secara bersepadu oleh balai-balai berdekatan bersama dengan agensi penyelamat lain yang terlibat bagi tujuan meningkatkan keberkesanan koordinasi yang berteraskan cepat, pantas dan berkesan.

Selain itu, ia adalah bertujuan untuk memastikan semua peralatan penyelamat dan lain-lain peralatan berfungsi dengan baik dan boleh digunakan semasa operasi dijalankan. Kesiapsiagaan anggota di balai-balai juga dipantau untuk memastikan kekuatan mereka adalah mencukupi bagi melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan cekap dan pantas.

Jabatan juga akan menubuhkan pasukan petugas mengikut kekuatan anggota bagi membuat rondaan dan pemantauan keselamatan di lebuh raya dan jalan persekutuan yang dikenalpasti sebagai “lokasi panas” dengan menggunakan jentera Multi Purpose Water Tender, Rapid Fire Rescue Tender (RFRT), Mutsubishi Pajero, Rapit Intervention Motorcycle (RIM), Perodua Kembara serta van Isuzu. Jika terdapat keperluan mendesak, helikopter Jabatan juga boleh digunakan bagi melaksanakan kerja-kerja menyelamat.

Akhir sekali, Jabatan menasihatkan agar semua pihak bersama-sama berusaha mengutamakan dan mematuhi langkah-langkah keselamatan kebakaran dan berhati-hati dengan penggunaan peralatan yang mudah terbakar seperti barangan elektrik dan dapur gas di musim perayaan ini.